

## PENDEKATAN TASAWUF ABU TALIB AL-MAKKI DALAM MENANGANI MASALAH DISIPLIN REMAJA

### [ABU TALIB AL-MAKKI'S TASAWUF APPROACH IN DEALING WITH ADOLESCENT DISCIPLINE PROBLEMS]

ABDUL ARIF SIDI<sup>1\*</sup>, MOHD ISA HAMZAH<sup>1</sup>, AB HALIM TAMURI<sup>1</sup>,

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Correspondent Email: abdularfsidi@gmail.com

---

*Received: 27 February 2021*

*Accepted: 3 March 2021*

*Published: 31 March 2021*

---

**Abstrak:** Masalah keruntuhan moral, salah laku dan disiplin remaja semakin meruncing di dalam masyarakat Malaysia mutakhir ini. Kajian-kajian lepas berkaitan isu disiplin sebelum ini telah mengenalpasti punca gejala ini berlaku yang mana dikaitkan dengan beberapa faktor, antaranya pengaruh rakan sebaya, kurang kasih sayang dari ibubapa yang menjadi contoh terbaik antara satu sama lain dan faktor persekitaran serta faktor dalaman remaja itu sendiri. Justeru, kertas kerja ini akan cuba mengupas sumbangan pemikiran tasawuf Abu Talib al-Makki bagi tujuan mentazkiyah remaja yang bermasalah disiplin dan moral untuk mencapai tujuan matlamat Falsafah Pendidikan untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi emosi, rohani, intelek dan jasmani. Sumbangan Abu Talib al-Makki dalam bidang tasawwuf sangat besar dan wajar diberi perhatian dalam mendidik jiwa dan hati remaja Islam khususnya demi mencapai 'hubb' kasih sayang dalam kehidupan seterusnya dapat menghindarkan mereka dari anasir-anasir yang tidak sihat ini. Metodologi kajian adalah berbentuk kajian teks Qut al-Qulub karangan Abu Talib al-Makki yang lebih menjurus pengaplikasian sembilan maqamat merangkumi taubat, sabar, syukur, raja', khawf, zuhud, tawakkal, redha, dan mahabbah dalam mengisi kekosongan jiwa nurani remaja yang bermasalah. Hasil kajian mendapati bahawa sembilan maqamat yang dianjurkan oleh Abu Talib al-Makki boleh digunakan bagi membantu remaja yang bermasalah disiplin dan moral sesuai dengan hasrat Kementerian Pendidikan yang bermatlamat mewujudkan kemenjadian murid.

**Kata kunci:** Remaja bermasalah, pendidik, tasawwuf, Abu Talib al-Makki.

**Abstract:** The problem of moral collapse, misconduct and discipline of teenagers is increasingly becoming more and more problematic in this state-of-the-moment Malaysian society. Past studies on discipline issues have previously identified the causes of these symptoms which are associated with several factors, such as peer influence, lack of affection from parents who are the best examples of each other and environmental factors as well as the internal factors of youth itself. Hence, this paper will try to parse the contribution of tasawwuf Abu Talib al-Makki thinking for the purpose of mentazkiyah teenagers who are disciplined and morally impaired to achieve the goal of the Philosophy of Education to produce people who are emotionally, spiritually, intellectually and physically balanced. Abu Talib al-Makki's contribution in the field of tasawwuf is very large and should be given attention in educating the souls and hearts of Muslim teenagers especially in order to achieve the 'hubb' of affection in the next life can prevent them from these unhealthy anasir. The methodology of the study is in the form of a study of the text qut al-Qulub by Abu Talib al-Makki which further suggests the application of nine maqamat which include repentance, patience, gratitude, raja', khawf, zuhud, tawakkal, redha, and mahabbah in filling the voidness of the troubled teen's conscience. The results found that the nine

maqamat organised by Abu Talib al-Makki can be used to help teenagers with disciplinary and moral problems in accordance with the Ministry of Education's intention to create the creation of pupils.

**Keywords:** Role, Rasulullah leadership, Pandemic, Leadership criteria, Leadership credibility.

**Cite This Article:**

Abdul Arif Sidi, Mohd Isa Hamzah, Ab Halim Tamuri. 2021. Pendekatan Tasawuf Abu Talib Al-Makki dalam Menangani Masalah Disiplin Remaja [Abu Talib Al-Makki's Tasawuf Approach in Dealing with Adolescent Discipline Problems]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(1), 01-14.

## **PENGENALAN**

Islam menganjur umatnya supaya menonjolkan tingkah laku yang baik kerana ia menggambarkan ketaqwaan dan keimana kepada Allah SWT. Pembentukan tingkah laku yang melibatkan remaja pula boleh dinilai samada di sekolah ataupun di rumah. Sedar tentang hakikat ini, pihak sekolah dan ibu bapa merupakan agen perubahan kepada tingkahlaku remaja. Masalah disiplin remaja merupakan isu universal yang dihadapi oleh semua sekolah di dunia (Cotton, 2001). Mereka ialah terdiri daripada pelajar yang telah mencapai umur tertentu dan telah mencapai tahap kematangan. Kebanyakan ulama' fukaha berpendapat umur baligh tersebut adalah antara 15 hingga 18 tahun (Muhammad Abu Zahrah t.th.). Namun begitu, terdapat juga kanak-kanak yang mencapai umur baligh lebih awal, berdasarkan tanda-tanda baligh seperti keluar air mani apabila dia bermimpi bagi kanak-kanak lelaki dan keluar darah haid bagi kanak-kanak perempuan. Perbincangan berkaitan masalah disiplin dan moral remaja sering terpapar di dada-dada akhbar, media massa, media elektronik dan ianya sering menjadi bualan masyarakat seolah-olah ianya tiada penghujungnya. Pelbagai pandangan dan cadangan telah diutarakan oleh orang ramai tentang perlunya tindakan tegas diambil terhadap masalah disiplin yang semakin merosot (Khalim, 2004).

Terdapat banyak pendekatan yang telah diaplikasikan untuk menangani masalah moral ramaja samada secara individu atau kumpulan. Menurut al-Zarrād (1995) dalam menangani permasalahan remaja dan golongan muda, rawatan jiwa secara berkumpulan (Group psychotherapy) juga boleh dilakukan selain rawatan secara individu. Pendekatan kaunseling melalui minhaj dakwah juga merupakan salah satu cara menangani masalah moral remaja. Antara pendekatan psikologi dakwah yang boleh digunakan oleh para pendakwah untuk golongan remaja berisiko, antaranya pendekatan kaunseling, pendekatan emosi, pendekatan menggerakkan minda, pendekatan motivasi (Fariza, 2013) dan bimbingan jiwa (Azyyati, 2014). Dalam perbincangan ini hanya menumpukan kepada pendekatan bimbingan jiwa (al-irsyad) sahaja.

Oleh itu, disiplin memainkan peranan yang penting ke arah pembentukan sahsiah para remaja di sekolah dan merupakan salah satu komponen penting dalam sistem persekolahan. Disiplin adalah elemen yang berkait rapat dengan tatatertib, tatasusila, keadaan, akhlak dan kesopanan. Para pendidik adalah orang bertanggungjawab melaksanakan sistem pendidikan di sekolah dengan menyalurkan maklumat, pengetahuan atau perspektif atau sudut pandangan ilmiah dalam bidang ilmu atau subjek tertentu. Selain itu, fungsi pendidikan juga untuk

membentuk kanak-kanak dan dewasa untuk menjadi warganegara yang baik dan berguna (Robiah Sidin, 1998; Ibrahim, 1998).

Walau bagaimanapun Islam adalah agama syumul yang lengkap dengan semua bidang kehidupan termasuk akidah, ibadah dan akhlak. Ini jelas menunjukkan bahawa Islam bukan hanya menekankan kepada spiritual sahaja bahkan ia meliputi semua bidang kehidupan. Amalan-amalan yang dilaksanakan oleh hambaNya di bumi ini bertujuan untuk mencapai sahsiah yang baik di dunia dan di akhirat. Justeru itu, seorang pelajar muslim hendaklah sentiasa muhasabah diri serta mengenal pasti segala kekurangan dan kelemahan yang ada pada diri sendiri sebagai persediaan untuk diri kita menghadapi arus pembangunan. Manakala menurut Professor Dr. Sidek Baba pula dalam artikelnya di Utusan Malaysia yang bertajuk Sistem Beragama Elak Gejala Sosial Masyarakat menyatakan bahawa kehidupan beragama tidak saja memberikan pedoman dan aturan tetapi memberikan manusia nilai seperti amanah, adil, bijaksana, tulus dan jujur yang sangat penting dalam kehidupan dan pengurusan seharian.

Hakikatnya, golongan pelajar yang bermasalah hendaklah diisi dan diberikan pendedahan mengenai Islam dengan sejelas-jelasnya dan disepadukan dengan penghayatan yang dituntut oleh Islam. Ramuan dan idea dari Barat tidak menampakkan hasil yang signifikan untuk membentuk watak dan moral pelajar kearah kebaikan dalam jangka masa panjang. Hanya melalui pendekatan ajaran Islam serta pengisian latihan kerohanian sahaja dapat membentuk manusia yang berkhlik dan bertingkah laku baik. Jika dibiarkan dengan tidak diorientasikan dan ditarbiyyah dengan Islam, maka kelak mereka akan menerima dan terpengaruh dengan sistem yang palsu serta sesat dari acuan Barat. Akhirnya, membawa kelumpuhan dan ketandusan kepada para penggerak Islam itu sendiri. Justeru itu, program dan kegiatan Islam untuk generasi pelajar perlu disusun dan dilaksanakan segera terutamanya di sekolah-sekolah memandangkan institusi ini agak sesuai dan mudah untuk menggerakkan dan mengumpulkan pelajar-pelajar (Mohd Ismail & Salini, 2010).

Oleh itu, karya Abu Talib al-Makki yang mengetengahkan latihan kerohanian melalui Sembilan maqamat dilihat berpotensi untuk diaplikasikan kepada murid yang menghadapi masalah disiplin dan salah laku sebagai latihan kerohanian demi melahirkan warga Malaysia yang berakhlak mulia

## **PERNYATAAN MASALAH**

Sejak kebelakangan ini pelbagai cerita tentang isu yang berkaitan tentang masalah disiplin di sekolah telah ditimbulkan seperti pelajar merokok, melawan guru, tidak beradab, buli, ponteng dan sebagainya. Sikap para pelajar yang berada dialam remaja sekarang ada yang menjangkau fikiran kita. Masalah disiplin pelajar sekolah bukanlah masalah baru dalam dunia globalisasi dan moden hari ini. Isu kemerosotan disiplin di kalangan pelajar yang selalu dibicarakan perlu dicari jalan penyelesaian segera. Masalah ini tidak boleh dibiarkan berlarutan kerana ia melibatkan banyak faktor yang boleh mendatangkan kerosakan terutamanya kepada diri remaja, agama dan negara. Tanggungjawab membanteras masalah disiplin pelajar sekolah bukan sahaja tanggungjawab kerajaan malah ia harus dipikul oleh semua pihak. Ini kerana pelajar merupakan aset negara paling berharga yang akan menentukan masa depan masyarakat dan negara. Kegagalan membendung masalah ini sudah pasti memberi gambaran yang kurang baik terhadap masa depan negara. Memandangkan isu ini serius dan semakin menjadi-jadi, maka penulis

merasakan satu pendekatan kerohanian perlu dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini. Oleh yang demikian, penulis ingin menerapkan pandangan dan maqamat Abu Talib al-Makki sebagai satu pendekatan bagi mengatasi masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah.

Menurut Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye, menyatakan bahawa statistik tangkapan pelajar dalam jenayah indeks pada 2017 merekodkan seramai 1,722 pelajar ditahan, manakala 1,286 pelajar ditahan pada tahun 2018. Walaupun ada trend penurunan tapi ianya masih tinggi. (Berita Harian, 11 Nov 2019) Menurutnya, kategori jenayah kekerasan pada 2017, seramai 611 pelajar ditahan berbanding 471 pada 2018 dan bagi kategori jenayah harta benda pula pada 2017 seramai 1,111 ditahan berbanding tahun 2016 seramai 815 pelajar. Hakikatnya, laporan ini memberi isyarat yang jelas bahawa akhlak dan sahsiah generasi harapan negara berada pada tahap yang membimbangkan dan memerlukan langkah pencegahan awal melalui pendekatan kerohanian yang di gagaskan oleh Abu Talib al-Makki sebagai garis panduan dan jalan penyelesaian terkini..

## **SOROTAN KAJIAN**

Disiplin merujuk kepada kesanggupan murid untuk mematuhi model tingkah laku pemimpin sekolah atau guru yang mengaplikasikan sistem nilai mereka dalam situasi yang berlainan khususnya dalam konteks sekolah (Walker 2014). Dalam perspektif Islam pula, disiplin dirangkum bersama-sama dengan konsep akhlak yang bererti khulq iaitu tingkah laku, perangai atau tabiat (Hasnan Kasan 2008). Justeru, disiplin adalah kepatuhan untuk menghormati dan melaksanakan suatu sistem yang membolehkan individu tunduk kepada keputusan, perintah dan peraturan yang berlaku. Dengan kata lain, disiplin dalam Islam adalah sikap untuk mentaati peraturan dan ketentuan yang telah ditetapkan tanpa bantahan (al-Ghazali 1998) Manakala, masalah disiplin merujuk kepada tingkah laku yang melanggar peraturan piawai yang telah dipersetujui oleh sesebuah institusi pendidikan (Cloud & Townsend 2002). Justeru, pihak sekolah perlu kepada tiga tindakan berikut untuk penambahbaikan: pro aktif, pencegahan dan pengajaran. Sebaliknya, jika pihak sekolah gagal melaksanakan tindakan tersebut, kesan negatif akan berlaku: pembedahan, azab dan akibat (Van der Walt et al. 2010). Ringkasnya, disiplin merupakan tingkah laku yang menepati ketetapan peraturan yang piawai. Manakala, masalah disiplin merujuk kepada tingkah laku yang melangkaui peraturan yang ditetapkan oleh sesebuah organisasi.

Walaupun pelajar-pelajar Islam hari ini kebanyakannya telah didedahkan dengan pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah, namun penghayatannya masih kurang diberi penekanan. Apa yang membimbangkan pihak ibubapa adalah keruntuhan akhlak yang kian berlaku di kalangan pelajar semasa di sekolah atau di asrama. Antara kepincangan akhlak pelajar di sekolah adalah ponteng sekolah, gengster, menceroboh dan mencuri, membuli, merokok, melawan pihak sekolah, melanggar disiplin sekolah, berdua-duaan dalam keadaan yang mencurigakan, menjadikan perpustakaan sebagai tempat pertemuan bagi pasangan yang bercinta, penyalahgunaan dadah, menipu atau meniru dalam peperiksaan, ponteng sekolah, berhibur ke tempat yang tidak sepatutnya, berpakaian yang kurang sopan dan penglibatan pelajar dengan jenayah dalam konteks yang lebih luas (Abd. Rahim, 2000).

Masalah sosial yang berlaku sedikit sebanyak merosakkan perkembangan sahsiah para pelajar. Kepincangan norma akhlak yang murni dalam kalangan masyarakat antaranya juga

berpunca daripada kurangnya fokus dan penumpuan terhadap pembinaan kerohanian yang sempurna dan mantap. Terdapat pelajar-pelajar yang dikenakan tindakan disiplin oleh pihak pentadbiran sekolah seperti dibuang sekolah, digantung dan sebagainya kerana terlibat dalam perbuatan salah laku dan ini menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan ibubapa pelajar.

## **METODOLOGI**

Penulis menggunakan pendekatan kualitatif. Metode pengumpulan data ialah berbentuk kajian teks iaitu kitab *Qut al-Qulub* karangan Abu Talib al-Makki. Manakala metode analisis data pula ialah mengaplikasikan metode *analysis content*.

## **ABU TALIB AL-MAKKI**

Nama beliau ialah Abu Talib Muhammad Ibn Ali Ibn Atiyyah al-Harith al-'Ajami al-Makki. Tarikh kelahiran Abu Talib al-Makki masih lagi tidak dapat dipastikan kerana tidak ada maklumat tentang kehidupan awal Abu Talib al-Makki akan tetapi beliau wafat pada tahun 386H bersamaan 996M. (Sharifah Basirah & Che Zarina, 2015) Beliau telah dilahirkan di dalam sebuah wilayah bernama al-Jibal di Baghdad. Kehidupan beliau lebih banyak merantau ketika usia masih kecil ke Makkah, Basrah dan kemudian ke Kota Baghdad. Perjalanan ke Makkah telah banyak memberi peluang kepada beliau untuk mendalami ilmu agama daripada ulama tersohor. Beliau telah menuntut ilmu tasawuf daripada para guru seperti Abu Sa'ïd ibn al-'Arabî, 'Abid al-Shaṭ al-Muzaffar bin Sahl, Abu 'Alî al-Kirmānî dan Sahl al-Ṭustārî. Malah beliau juga telah menuntut dengan seorang ulama tersohor dalam bidang tasawuf iaitu daripada Abū Hassan bin Salīm al-Baṣrî al-Saghîr. (Wan Mohd Azam, 1991) Penulisan Abu Talib al-Makki telah banyak menitipkan panduan terutama dari aspek penyucian jiwa hasil daripada pengalaman kerohanian beliau sendiri. Perjalanan beliau sebagai salik (dalam perjalanan menuju Tuhan) telah dititipkan dalam karya agung beliau iaitu *Qut al-Qulub*.

## **PENGENALAN KARYA QUT AL- QULUB**

Dalam karya agung *Qut al-Qulub*, Imam Abu Talib sendiri telah menitipkan pengalaman kerohanian beliau secara terperinci. Pengalaman kerohanian ini berdasarkan daripada keperibadian beliau yang sangat zuhud, merendah diri, wara', dan sentiasa bermujahadah kepada Allah SWT. Sarjana Islam dan Barat juga telah mengakui dan mengiktiraf keberibadian beliau. (Sharifah Basirah & Che Zarina, 2015) Ia juga merupakan kunci utama yang membuatkan catatan beliau ini sentiasa hidup dan subur dalam hati manusia yang berusaha untuk mendekati diri dengan Allah SWT.

### **1. Saranan al-Qur'an tentang Tingkah Laku Muslim**


يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُسَارِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ

“Mereka yang beriman kepada Allah dan hari akhirat dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah serta

mereka pula berlumbalumba pada mengerjakan berbagai-bagai kebajikan. Mereka (yang demikian sifatnya), adalah daripada orang yang soleh”

## 2. Maqamat Abu Talib al-Makki

Dalam perjalanan tasawuf belaiu, Abu Talib al-Makki telah menggariskan sembilan maqamat iaitu maqam taubat, sabar, syukur, raja', khawf, zuhud, tawakkal, redha, mahabbah. Para ulama terkemudian juga telah banyak memperincikan tentang maqam-maqam ini. Walau bagaimanapun ianya juga khilaf (perbezaan) ulama tentang kedudukan maqamat ini samaada seseorang perlu menguasai sesuatu maqam sebelum mereka dapat melangkah ke maqam yang seterusnya. Ada sesetengah ulama seperti al-Suhrawardi (1966) berpandangan bahawa seseorang tidak boleh berpindah ke maqam seterusnya sekiranya syarat-syarat dalam maqam tersebut tidak dipenuhi. Ada pula ulama yang berpandangan bahawa sesuatu maqam itu boleh dipenuhi dan diperkemaskan dengan melangkah kemaqam yang lain. Perbezaan pendapat di antara ulama sufi ini adalah berdasarkan kepada pengalaman mereka yang berbeza-beza. (Sharifah & Che Zarina, 2015, hlmn. 28-29).



Rajah 1: Perjalanan Kerohanian (Maqamat) Abu Talib al-Makki

Terdapat tiga fasa atau proses dalam pelaksanaan maqamat melalui hasil pemerhatian daripada perjalanan kerohanian Abu Talib al-Makki

- Fasa Pertama : Menenal Diri
- Fasa Kedua : Mendidik Hati
- Fasa Ketiga : Pengukuhan Jiwa

## Fasal pertama : Mengenal diri

Fasa mengenal diri adalah proses muhasabah diri dengan kembali melihat dan menginsafi fitrah kejadian diri dan mendekati Allah SWT melalui amalan-amalan ibadah yang dituntut oleh agama. Ini termasuklah amalan fardhu ataupun sunat. Penekanan adalah terhadap maqam taubat, sabar dan syukur. Ketiga-tiga maqam ini memainkan peranan utama dalam proses awal mendidik dan menyucikan jiwa terutama apabila berhadapan dengan pelbagai konflik dan masalah kehidupan. Jika jiwa seseorang hamba bersih dari kekotoran maka mudahlah segala ilmu dan penerangan dapat diterima.

### i. Maqam Taubat

Menurut al-Makki maqam taubat terbahagi kepada dua peringkat, iaitu Peringkat Pertama: semasa seseorang bertaubat akibat dosanya dengan berikrar terhadap dosa yang dilakukan. Kemudian berjanji supaya tidak melakukan dosa dan menuruti hawa nafsu selain daripada membersihkan makanan daripada yang haram, sentiasa bersedih di atas kesalahan seterusnya beristiqomah dalam melakukan suruhanNya dan menjauhi laranganNya. Manakala Peringkat Kedua: selepas bertaubat seseorang itu perlulah berusaha memperbaiki perbuatan buruknya dengan menggantikan perilaku yang terpuji. Kemudian perlu berasa sedih dan rasa penyesalan berterusan terhadap dosa yang dilakukan sebelum itu. (al-Makki, 1997, hlmn.250)

Dalam proses bertaubat, beliau telah menggariskan tiga syarat utama iaitu pertama; Keperluan ilmu tentang kepentingan dan cara melakukan taubat. Kedua; mewujudkan suasana atau situasi yang membantu kelancaran proses taubat. Ketiga; Mengamalkan ilmu dan kaedah taubat secara berterusan (istiqamah).

Dalam konteks penyelesaian masalah disiplin dan salah laku murid, kaedah taubat perlu diterapkan sebagai langkah awal atas penyesalan dan kesedaran melakukan tindak tanduk yang terkeji samada di sekolah ataupun dirumah. Murid-murid perlu diterapkan kepada pentingnya amalan bertaubat atas setiap kesalahan, disamping kaunseling, nasihat, denda, hukuman dan sebagainya. Terapkan kepada mereka hanya kepada Allah SWT sebagai proses penyucian diri daripada dosa dan kesalahan silam. Ini adalah bertepatan dengan fitrah manusia yang bersifat lemah, sentiasa melakukan kesalahan atau dosa samada sengaja ataupun sebaliknya, sebagaimana yang dijelaskan di dalam hadith: Anas Bin Malik radhiyallahu 'anhu meriwayatkan bahwa Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

كُلُّ ابْنِ آدَمَ خَطَّاءٌ وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ. رواه ابن ماجه

Maksudnya: "Setiap anak Adam sering melakukan dosa dan sebaik-baiknya orang yang melakukan dosa adalah orang-orang yang bertaubat". (HR. Ibnu Majah, no. 4251, dan dihasankan oleh Al-Albani).

Lapan perkara yang telah digariskan oleh Abu Talib al-Makki perlu diamalkan sebagai kifarat atas kesalahan yang dilakukan. Empat perkara sebagai amalan jawarih (badan badan ) dan empat lagi amalan hati.

Amalan badan (fizikal) yang perlu dilakukan adalah solat dua rakaat, istighfar 70 kali, membaca subhanallah al azim 100 kali dan sedekah serta puasa satu hari. Manakala amalan hati yang perlu ditekankan adalah bertekad bertaubat, memiliki keinginan supaya terlepas daripada dosa, takut atas seksa sebagai balasan dosa, harap keampunan dan bersangka baik terhadap Allah SWT. Para pendidik boleh membimbing murid yang bermasalah ini kaifiyat untuk solat sunat taubat, berpuasa, beristighfar dan sebagainya.

## **ii. Maqam Sabar**

Seseorang murid yang berusaha melakukan taubat akan mampu melahirkan sifat sabar yang merupakan maqam kedua pada pandangan Abu Talib al-Makki. Maqam sabar yang dimaksudkan adalah sabar daripada melakukan kemungkaran dan salah laku seperti menahan keinginan hawa nafsu, rayuan musuh dan kawan-kawan dan keindahan dunia, sabar dalam mengabdikan diri kepada Allah SWT, benar dalam mengendalikan anggota badan dan sentiasa bersifat qanaah. Selain itu sabar dalam menegakkan keadilan seperti sabar menghadapi ujian Allah SWT, sabar menginfakkan harta ke jalanNya dan sabar memerangi perbuatan keji. (al-Makki, 1997, hlmn.299).

Beliau juga menjelaskan erti sabar seperti di bawah:

- a. Sabar untuk membetulkan niat dan berazam untuk berpegang dengan niat tersebut, sabar ketika beramal dan sabar selepas amal dengan menyembunyikan amal tersebut daripada pengetahuan umum.
- b. Menurut salaf- sesuatu kebaikan itu tidak sempurna melainkan 3 perkara ini iaitu bersegera, sedikit dan merahsiakannya.
- c. Bersabar dengan kesakitan dan bertawakal kepada Allah SWT kerana seorang hamba itu tidak mencapai maqam tawakal sehingga ia menanggung kesakitan dan bersabar di atas kesakitan itu.
- d. Sabar dalam memperoleh nikmat daripada Allah SWT. seperti nikmat sihat dan kaya dan tidak menggunakan nikmat tersebut ke arah keburukan. Sabar dalam hal ini lebih berat daripada sabar menghadapi ujian.
- e. Sabar dengan menyembunyikan musibah, rasa sakit dan tidak boleh berkeluh kesah dan tidak mengadu kepada orang lain.

Namun Al- Makki lebih mengutamakan maqam sabar daripada syukur kerana sabar itu adalah hal kepada bala atau kesukaran dan para rasul ulul azmi adalah adalah sebaik-baik contoh mereka yang mengharungi kesukaran. Manakala syukur itu pula adalah hal kepada kenikmatan. Maka sabar menghadapi kesulitan atau dugaan itu adalah lebih sukar jika dibandingkan sabar dalam menerima kenikmatan. Oleh itu pahala bagi orang yang bersabar atas kesusahan adalah tidak terbatas.

Dalam konteks menangani masalah disiplin dan moral murid-murid, sabar memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha mengawal diri daripada perasaan ingin mencuba perkara-perkara yang dilarang oleh agama ataupun yang bertentang dengan peraturan sekolah. Sabar dengan pengaruh dan ajakan serta hasutan kawan-kawan untuk turut sama melakukan jenayah, salah laku moral dan dalam masa yang samam berdoa dan bertawakal kepada Allah



SWT dalam usaha untuk memperbaiki hubungan dengan rakan dengan mendoakan mereka agar mendapat hidayah dari Allah SWT. Sebenarnya terdapat banyak faktor lain yang akan mempengaruhi salah laku murid samada disekolah atau ditempat awam. Sebagai contoh murid yang tidak dapat menahan dan mengawal kemarahan akibat perbuatan rakan sebayanya akan melepaskan kemarahan tersebut kepada orang lain atau melakukan kecederaan pada orang lain dalam pelbagai bentuk.

Sifat sabar yang dianjurkan oleh al-Makki menyeru kepada sabar yang paling disukai Allah SWT iaitu menyembunyikan kesakitan atau musibah daripada pengetahuan orang lain dan perbanyakkan bersedekah serta menjadikan Allah SWT sebagai tempat pengaduan utama. Amalan seperti mengadu atau mendedahkan masalah disiplin dan salah laku mereka di laman sosial facebook, wassap, Instagram atau kepada individu yang lain perlu dihindari kerana ia hanya menambah kekusutan dalam konflik tersebut. Mereka sepatutnya mengadu kepada guru yang bertanggungjawab seperti guru kaunseling dan guru pendidikan Islam (GPI)

### **iii. Maqam Syukur**

Manakala syukur adalah sebahagian daripada iman dan Allah SWT memerintahkan supaya berzikir sebagai tanda syukur. Menurut al Makki: syukur dapat melahirkan dua maqam iaitu maqam redha dan juga maqam mahabbah. Ini adalah keadaan di mana apabila seseorang yang syukur ketika mendapat sesuatu yang tidak disukai, musibah, kesempitan dan sesuatu yang tidak diharapkan merupakan suatu nikmat yang wajib disyukuri maka lahirlah kedua-dua maqam tersebut.

Terdapat dua Jenis Syukur menurut Abu Talib al-Makki iaitu:

- a. Syukur apabila berhajat sesuatu daripada Allah SWT. Dalam keadaan ini mereka akan berlumba-lumba dalam melakukan dan menyegerakan ibadah sebagai tanda syukur kerana Allah telah mengabulkan hajat mereka.
- b. Syukur dalam kalangan orang yang takut kepada Allah iaitu lebih takut kepada hari akhirat dan takut terhadap dosa-dosa yang lalu.

Dalam menghadapi gejala keruntuhan moral dan masalah disiplin, setiap murid yang bermasalah perlu melalui proses taubat dan sabar. Sebagai contoh; apabila berlaku sesuatu konflik dalaman kebiasaannya perkara yang kelihatan hanyalah keinginan atau permintaan sesuatu tidak ditunaikan samada oleh pihak sekolah ataupun oleh ibibapa. Sekiranya hal sedemikian berterusan maka mereka akan memberontak dan menunjukkan perasaan tidak puas hati dan ianya akan berpanjangan kerana pandangan yang diberikan terhadap mereka hanyalah sisi negatif sahaja tanpa mempedulikan kebaikan. Maqam syukur yang dicadangkan oleh al-Makki ini melatih setiap murid yang bermasalah supaya bersikap telus melihat kebaikan dan kekurangan yang ada pada guru-guru dan ibubapa, seterusnya menghormati mereka Hal ini dapat meningkatkan tahap kesabaran jiwa dalam menghadapi konflik emosi ,tidak terburu-buru bertindak di luar kawalan dan membuat keputusan secara rasional menjadi murid yang baik dan berdidiplin.

## **Fasal kedua : Mendidik Hati.**

Di dalam proses mentarbiyah hati, Abu Talib al-Makki mencadangkan tiga maqam utama iaitu raja', khauf dan zuhud:

### **a. Maqam Raja'**

Maqam Raja' menurut al-Makki adalah kemahuan yang kuat apabila memohon pertolongan dari Allah SWT yang menunjukkan pergantungan hidup manusia dengan Allah SWT. (al-Makki,1997,hal. 345).

Al Makki menekankan aspek hubungan raja' dan juga bersangka baik kepada Allah SWT kerana suatu pengharapan perlu disertai dengan sangkaan yang baik tanpa ragu-ragu. Apabila berharap dan bersangka baik terhadap Allah SWT, Dia akan menunaikan permintaan tersebut.(al-Makki,1997,hal. 345).

Beberapa sifat dan ciri-ciri Raja' digambarkan oleh Abu Talib al- Makki iaitu sentiasa bersegera melakukan ibadah kerana takut tidak sempat untuk beribadah lagi dan mengharapkan agar amalan diterima. Selain itu sentiasa banyak solat tahajud dan disertai rasa khauf. Begitu juga akan lahir al-uns iaitu sentiasa mendekati para ulama' dan orang soleh serta sentiasa melakukan kebaikan dan ringan tulang memberi pertolongan sesama makhluk dalam kebaikan.

Dalam konteks menangani masalah disiplin dan moral, murid-murid yang telah dikenalpasti melakukan kesalahan, guru kaunseling dan guru pendidikan Islam (GPI) perlulah membimbing dan menasihati murid yang bermasalah supaya sentiasa bergantung harap kepada Allah SWT sepanjang masa dan melakukan solat tahajjud pada waktu malam. Apa yang lebih penting ialah sematkan dalam diri mereka supaya sentiasa mendekati dan mesra dengan orang-orang berilmu.

### **b. Maqam Khauf**

Manakala Maqam khauf menurut al-Makki diistilahkan sebagai hakikat taqwa yang meliputi segala bentuk ibadah kepada Allah SWT dalam mencapai keredhaanNya. Ciri khauf adalah takut terhadap kemunafikan iaitu:hasad dengki,ujub dan bangga terhadap suatu ujian,syirik, mencintai kejahatan dan membenci kebaikan. (al-Makki,1997, hal.350).

Terdapat beberapa perkara utama yang perlu diperkukuhkan untuk melahirkan khauf dan menjamin tambahan nikmat dari Allah SWT sebagaimana yang disarankan oleh al Makki iaitu seseorang perlu menjaga anggota badan seperti telinga, mata, lidah, hati, tangan daripada melakukan perkara yang dilarang. Selain itu, penjagaan makanan harus dititikberatkan agar agar tidak berlebihan, tidak lalai, sentiasa fokus pada perkara yang dilakukan dan kurangkan perkara yang tidak berfaedah. (al-Makki, 199, hal.337)

Di dalam untuk mengurangkan masalah disiplin, murid yang bermasalah yang telah melepasi fasa mengenal diri iaitu melalui proses taubat, sabar dan syukur, mereka akan mampu memberi ruang kepada diri supaya lebih bertenang menghadapi ujian kehidupan semasa berada dialam persekolahan, berhenti menyalahkan diri sendiri dan orang lain, seterusnya akan mendorongnya supaya lebih mendekati diri kepada Allah SWT. Hal ini akan menerbitkan

rasa insaf bahawa ujian ini datang dari Allah SWT dan hanya Allah SWT yang mampu membuka jalan penyelesaian kepada segala permasalahan yang berlaku. Walau bagaimanapun, usaha untuk mendidik hati sehingga mampu sampai ke peringkat raja' dan khauf memerlukan kesungguhan dan mujahadah melawan hawa nafsu, ini memerlukan bimbingan yang berterusan oleh guru di sekolah dan ibubapa di rumah.

### **c. Maqam Zuhud**

Zuhud ialah tidak meletakkan dunia dan kebahagiaannya di dalam hati. Kebahagiaan dunia tidak menjadi keutamaan bagi mereka yang menuju Tuhan. Oleh sebab itu, maqam zuhud dikenali sebagai maqam yang penting kerana ia merupakan kunci kepada ketaatan. Sepertimana dinukilkan oleh al-Makki bahawa "tidak ada amal kebaikan yang dapat menghimpunkan semua ketaatan selain zuhud terhadap dunia." (al-Makki, 1997, hlmn.329)

ia juga boleh dibahagikan kepada dua iaitu zuhud batin dan zuhud zahir. Imam al-Junayd meletakkan ia kepada menghilangkan rasa keinginan apa yang berada di tangan dan seterusnya menghilangkan keinginan untuk menguasai dan mendapatkannya di dalam hati. Hubungan diantaranya saling bersangkutan di mana kesan daripada zuhud ini dapat dilihat daripada aplikasinya dalam kehidupan murid-murid yang bermasalah iaitu tidak meletakkan semata-mata kebahagiaan dunia sebagai tujuan hidup serta menggunakan apa yang dimiliki untuk mencari redha dan taqwa Allah SWT. Perkara ini juga merupakan suatu seruan jiwa kepada mereka yang mencari redha Allah SWT bahawa tujuana dan matlamat mereka datang ke sekolah tidak hanya berhenti setakat menuntut ilmu kebahagiaan dunia yang bersifat sementara. Akan tetapi kebahagiaan dengan adanya ilmu itu sebagai jalan menuju Allah SWT. Al-Makki juga meletakkan sabar sebagai kunci utama dalam mencari zuhud. Ini Dilihat daripada huraian tentang ayat berikut;

Maksudnya:"Dan berkata pula orang-orang yang diberi ilmu (di antara mereka): "Janganlah kamu berkata demikian, pahala dari Allah lebih baik bagi orang yang beriman dan beramal soleh; dan tidak akan dapat menerima (pahala yang demikian) itu melainkan orang-orang yang sabar". Lalu Kami timbuskan dia bersama-sama dengan rumahnya di dalam tanah, maka tidaklah ia mendapat sebarang golongan yang boleh menolongnya dari azab Allah" dan ia pula tidak dapat menolong dirinya sendiri. (Surah al-Qasas, 28:38)

Sifat zuhud ini melahirkan perasaan merasa cukup dengan apa yang dimiliki serta berusaha dengan sehabis baik untuk mencari perkara yang halal demi mencari keredhaan Allah SWT. Bagi murid yang bermasalah seharusnya bermuhasabah dan meletakkan kebahagiaan akhirat sebagai matlamat utama di dalam melangkah alam remaja yang penuh pancaroba.

### **Fasal ketiga : Pengukuhan jiwa.**

Maqam tawakal, redha dan mahabbah memainkan peranan utama di dalam proses pengukuhan jiwa yang merupakan kemuncak kepada latihan kerohanian di dalam Sembilan maqamat yang dianjurkan oleh al Makki.

### **a. Maqam Tawakkal**

Maqam yang ketujuh yang diajar oleh al-Makki ialah maqam tawakkal. Ianya dapat difahami dengan pemahaman terhadap makna al-wakkil itu sendiri iaitu Allah SWT. Tawakkal melahirkan perasaan sabar dan tenang ketika diuji, redha dengan setiap pemberiannya, bersangka baik dengan Allah SWT dan dapat melihat hikmah di sebalik setiap yang berlaku dalam kehidupan pasangan Muslim. (al-Makki, 1997) Tidak dinafikan setiap ibubapa mengimpikan anak yang soleh dan solehah, akan tetapi sebagai ibubapa muslim kita seharusnya akur bahawa setiap ujian yang datang merupakan peluang untuk meningkatkan pengalaman kerohanian dan kesabaran seseorang. Tidak diuji seseorang individu melainkan ia berada dalam kapasiti kebolehpayaan individu untuk menanganinya. “Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.” (Al-Baqarah, 2:286)

Al-Makki juga berpandangan sifat orang yang bertawakkal kepada Allah SWT adalah suatu sifat yang dipuji kerana bagi mereka ganjaran yang juga merupakan rahmat Allah SWT ke atas mereka. Ia juga merupakan pengalaman kerohanian yang dilalui oleh para anbiya'dan para solihin. Terdapat beberapa perkara yang menjejaskan sifat tawakkal orang mukmin antaranya:

1. Keluar daripada sifat qanaah iaitu tidak merasa cukup dengan apa yang dimiliki).
2. Meminta-minta sesuatu sebelum waktunya.
3. Membenci apabila sesuatu yang dihajati itu lambat ditunaikan. (Sharifah Basirah & Che Zarina, 2015, hlmn. 95)

Ini juga menjadi suatu kewajaran yang perlu diperhalusi bagi murid yang bermasalah untuk melihat dan menilai kembali matlamat mereka datang ke sekolah dan melangkah je lalam remaja. Mendapat ilmu yang bermanfaat merupakan satu wasilah dan bukan diletakkan sebagai matlamat semata-mata dalam kehidupan sehingga kita meninggalkan perkara-perkara asas dalam agama. Islam mengajar umatnya sentiasa berusaha dan metakkan setiap apa yang diusahakan kepada-Nya. Apabila kita mendapat apa yang dihajati seharusnya kita perbanyakkan syukur, jika sebaliknya kita seharusnya memandangnya dari sudut yang positif bahawa tawakkal dan azam kita hanya kerana Allah SWT.

### **b. Maqam Redha**

Redha yang dimaksudkan oleh al-Makki boleh dibahagikan kepada dua keadaan. Pertama, menerima apa jua bentuk tegahan atau apa yang tidak diberikan Allah SWT kepadanya, juga merupakan sifat redha yang dituntut. Ini adalah kerana seorang murid yang sabar dan berlapang dada akan sentiasa diuji. Apa yang tidak diberikan kepada kita adalah suatu bentuk ujian. Kedua, apabila murid yang tidak berbolak balik hatinya kepada apa jua yang diberikan atau tidak kepadanya. Maqam ini dikenali sebagai maqam redha. Memahami maqam ini dengan sebaiknya dapat melahirkan rasa tawakkal, sabar dan pengharapan yang amat tinggi kepada Allah SWT kerana setiap apa yang berlaku adalah dengan izin-Nya dan dalam pengetahuan ilmu-Nya yang Maha Agung. Ini dijelaskan oleh Sharifah Basirah dan Che Zarina (2015) bahawa setiap Mukmin akan berasa gembira dengan apa yang ditetapkan kepadanya. Ini adalah kerana

dan setiap ujian juga dilihat sebagai suatu hikmah (dengan pandangan hati basirah) yang mendekatkan diri hamba dengan Tuhan-Nya (al-muqarrabun). (al-Makki. 1997. Hlmn. 74)

### **c. Maqam mahabbah**

Maqam yang terakhir ini merupakan kemuncak cita-cita seorang murid yang beriman kepada Allah SWT. Ia seharusnya juga menjadi kunci bagi setiap murid yang bermasalah untuk mencapai tingkatan yang paling tinggi dalam kemuncak kerohanian mereka. Mahabbah diertikan sebagai perasaan kasih sayang kepada Yang Maha Esa dan percaya bahawa bagiNya segala punca kasih sayang itu. Justeru bagi menghidup suburkan perasaan bertanggungjawab sesama manusia, adalah penting untuk kita menilai hubungan seseorang dengan TuhanNya. Perasaan mahabbah ini tidak dapat ditulis dengan kata-kata tetapi ia adalah suatu pengalaman jiwa yang dirahsiakan. Maqam ini adalah maqam yang paling agung bagi al-Makki terutamanya kepada hamba yang mengetahui rahsianya di sisi Allah SWT. Sebagaimana dinukilkan oleh al-Makki;

Tanda ikhlas dalam mahabbah adalah pada perbuatan hati, bersikap berhati-hati dalam menzahirkannya hanya kerana takut berlaku penipuan, hakikat sebenar mahabbah adalah dengan melaksanakan dengan diri serta merahsiakannya daripada manusia. (Sharifah Basirah & Che Zarina, 2015, hlmn. 95)

Al-Makki turut menghuraikannya sifat-sifat hamba yang menguasai maqam mahabbah ini antaranya mereka dalam keadaan berterusan zikir iaitu mengingati Allah SWT. Maka apa yang lahir dari kecintaan ini ialah dengan menunaikan hak-hak Allah SWT, dan melakukan perkara-perkara yang disukai-Nya dan meninggalkan perkara-perkara yang tidak disukai jauh sekali dibenci oleh Allah SWT. Maka di sinilah bertitik tolak nilai yang perlu dijaga oleh pasangan Muslim dalam mengejar cinta manusia dalam sesebuah hubungan. Cinta kepada Tuhan yang Maha Agung adalah kunci kepada cinta-cinta yang lain. Malah, al-Makki turut menjelaskan bahawa mereka yang mencapai maqam mahabbah, sentiasa akur dengan ketentuan dan sebarang ujian termasuklah ujian-ujian yang dilalui dalam tempoh menempuh alam remaja. Tetapi bagi mereka, Tuhanlah tempat mereka bersandar dan memohon jalan keluar bagi setiap ujian. Perasaan mahabbah yang tinggi melahirkan jiwa khawf, yang takut apabila seseorang melanggar hak-hak dan kewajipan yang perlu dilunaskan oleh hamba, melahirkan jiwa tawakkal, membuahkan ma'rifah. Mahabbatullah juga melahirkan jiwa yang tenang, yakin, perasaan shawq (rindu yang tinggi kepada Allah SWT). Perasaan rindu ini adalah anugerah daripada Allah dan merupakan nikmat yang paling agung yang akan diganjar dengan nikmat yang lebih besar di akhirat yang kekal abadi. Seperti dalam Al-Qur'an Allah berfirman:

Maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutlah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani". (Surah Al-Imran 3:31)

## KESIMPULAN

Pemikiran Abu Talib al- Makki melalui maqamat sememangnya merupakan satu sumbangan yang amat besar dalam menanganai masalah disiplin dan salah laku murid kerana pengaplikasian maqamat yang beliau perkenalkan adalah asas utama dalam membentuk kesempurnaan insan yang seimbang dari segi emosi, psikologi kognitif dan seumpamanya. Malah lebih dari itu, kaedah ini dilihat mampu dikembangkan penggunaannya dalam pelbagai masalah berkenaan kecelaruan jiwa yang kian berleluasa di kalangan remaja hari ini.

## RUJUKAN

- Cloud, H. & Townsend, J. 2002. *Boundaries*. Zondervan: Grand Rapids.
- Cotton, K. 2001. *Schoolwide and Classroom Discipline*. School Improvement Research Series, Northwest and Regionl Education Laboratory.
- Fariza Md Sham. 2013. *Perkembangan Moral, Sosial Remaja dan Pendekatan Psikologi Dakwah*. Dlm. Fariza Md Sham, Siti Rugayah hj. Tibek, Othman Talib (pnyt.). Dakwah dan Kaunseling di Malaysia. Bangi: Penerbit UKM.
- al-Ghazali. 1998. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Kuala Lumpur: Victory Agency
- Hasnan Kasan. 2008. *Akhlak Pelajar Cemerlang*. Kuala Terengganu: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.
- Ibrahim Mamat. 1998. *Pengetua Sekolah Menangani Isu Dan Cabaran Kepemimpinan*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2010. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2010: Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid di Sekolah.
- Khalim Zainal. 2004. *A Comparison of the Penalty System Program and the Conventional Program in Managing Discipline of the Secondary School Student in Malaysia*. t.tp.: t.pt.
- al-Makki, Abu Talib. 1997. *Qut al-Qulub*. Bayrut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- Mohd Ismail Mustari & Salini Mohd Salleh. 2010. *Persepsi Pelajar Terhadap Program Usrah diSMKA (P) Al-Mashoor*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Muhammad Abu Zahrah. t.th. *Usul al-Fiqh*.t.tp.: Dar al-Fikr al-'Arabi
- Robiah Sidin. 1998. *Pemikiran dalam Pendidikan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sharifah Basirah Syed Muhsin, Che Zarina Sa'ari. 2015. *Kaedah Psikoterapi Islam Berasaskan Konsep Maqamat Abu Talib al-Makki*.Kuala Lumpur: t.pt.
- Tie Fatt Hee. 2002. *Undang-undang Pendidikan di Malaysia*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Van der Walt, B. J. 2010. *Transforming Power: Challenging Contemporary Secular Society*. Institute for Contemporary Christianity in Africa: Potchefstroom.
- Walker, P. 2014. Student misconduct in the United Kingdom. Dlm. C. J. Russo, I. J. O. Oosthuizen & C. C. Wolhuter (pnyt.). *Best Practices for Student Misconduct on Six Continents*. NewYork: Littlefield and Rowman.
- al-Zarrad, Faisal Muhammad Khayr. 1997. *Mushkilat al-Murahiqaq wa al-Syabab*. Bayrut: Dar al-Nafis.